

Pelajar maut, rakan patah tangan

Kedua-dua mangsa
dirempuh kereta, pelaku
melarikan diri

Oleh NUR FARHANA ABDUL MANAN

KUALA LANGAT

Seorang pelajar perempuan Tingkatan Satu maut manakala rakanannya patah tangan apabila dirempuh sebuah kereta ketika melintas jalan di Kilometer 11 Jalan Banting-Dengkil pagi semalam.


Dalam kejadian pada jam 6.40 pagi, kedua-dua mangsa sebelum itu berjalan kaki menyeberangi jalan untuk ke penghentian bas bagi menunggu bas sekolah.

Ketua Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Selangor, Superintendan Azman Shariat berkata, siasatan awal mendapati mangsa dan rakanannya dalam perjalanan untuk ke Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Changgang.

"Ketika kejadian mangsa yang maut memakai pakaian seragam sekolah manakala rakanannya memakai pakaian sukan.

"Apabila sampai di lokasi kejadian, kedua-dua mangsa dirempuh sebuah kereta yang datang dari arah Dengkil. Selepas pelanggaran pemandu kereta melarikan diri," katanya.

Menurut Azman, kejadian



Lokasi kemalangan yang mengakibatkan seorang pelajar Tingkatan Satu maut manakala seorang lagi cedera dalam kejadian yang berlaku pagi semalam.

berlaku di jalan dua hala, permukaan jalan kering dan tidak hujan namun lokasi kemalangan berlaku agak gelap.

Katanya, mangsa disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian manakala rakanannya yang cedera dihantar ke Hospital Banting untuk mendapatkan rawatan lanjut.

"Mangsa yang maut dikenali sebagai Nur Aida Raffanah Zaidi, 13, manakala yang cedera dikenali sebagai Aina Safiyah

Saparin, 13. Kedua-dua mangsa tinggal di Kampung Olak Lempit, Banting.

"Pemandu kenderaan masih belum dapat dikenalpasti dan usaha mengesannya masih dijalankan. Saksi yang melihat kejadian diminta berhubung dengan pegawai penyiasat kes, Inspektor Lau Ung Hee ditalian 0196699901," katanya.

Katanya, kes disiasat di bawah Seksyen 41 (1) AKta Pengangkutan Jalan 1987.